

GERAKAN ORIENTALISME DI MALAYSIA

Engku Ahmad Zaki Engku Alwi

Orientalisme

Orientalisme berasal dari akar kata orient yang bererti timur. Perkataan ini berasal dari bahasa Perancis yang akhirnya digunakan secara meluas dalam pelbagai bahasa. Manakala Isme pula berasal dari bahasa Belanda yang bermaksud suatu fahaman, aliran atau amalan (A.S. Hornby 1974)

Orientalisme (al-Istisyraq) ialah ilmu Timur atau ilmu yang berhubung dengan dunia Timur. Perkataan orientalis (mustasyriq) merujuk kepada setiap orang Barat yang pakar dalam mengkaji ilmu Timur sama ada kepakarannya itu sudah sampai kemuncak atau pertengahan, ataupun yang rendah sekali di dalam bidang bahasa, sastera, tamadun dan agama. Ringkasnya, orientalisme (al-Istisyraq) adalah kajian-kajian Barat yang berhubung dengan Islam sama ada dalam bidang bahasa, sastera, sejarah, akidah, syariah dan tamadun secara umum (Mahmud Hamdi Zaquq 1989 1-2).

Berdasarkan definisi di atas, jelas bahawa bidang orientalisme adalah satu bidang yang luas ruang lingkungannya sehingga mencakupi bidang-bidang arkeologi, sejarah, bahasa, agama, kesusasteraan, etnologi, sosiologi, adat tradisi, politik, ekonomi, kehidupan binatang, alam fauna dan flora serta lain-lain lagi (Joesoef Suo'yb 1985).

Tidak syak lagi penyebaran Islam yang meluas di Timur dan di Barat dengan begitu cepat telah membuka mata ketua-ketua agama kristian terhadap Islam. Dari sinilah bermulanya pengajian agama Islam secara mendalam di kalangan orang Kristian dengan tujuan untuk menjaga saudara Kristiannya daripada memeluk agama Islam. Yuhana al-Dimasyqi (676-749M) telah mengarang buku-buku untuk tujuan itu,

di antaranya ialah Muhawarat Ma 'a al-Muslim dan Irsyadat al-Nasara Fi Jadal al-Muslimin (Najib al-'Aqiqi 1981 72).

Seterusnya, pertentangan yang berlaku antara Islam dan Kristian di Sepanyol dan Seville telah mendorong kemunculan orientalisme di Barat, sebagaimana Perang Salib telah mendorong orang Eropah untuk berusaha mempelajari ajaran Islam dan adat resamnya. Dengan ini boleh dikatakan bahawa tarikh awal gerakan orientalisme ialah tarikh pertentangan antara agama Kristian di Barat dengan agama Islam di Timur daripada aspek agama dan ideologi sejak kurun pertengahan (Mahmud Hamdi Zaquq 1989 4).

Perluasan dasar penjajahan Barat di dunia Islam turut juga menentukan pandangan orang Barat terhadap dunia Timur. Pada pertengahan kurun kesembilan belas, pihak penjajah telah mengeksploitasi bahan-bahan warisan orientalis bagi memperluaskan kawasan jajahan di Timur. Sebaliknya dasar perluasan ini turut mengukuhkan kedudukan orientalisme dan memajukan pergerakan orientalisme di Timur. Pihak penjajah telah berjaya menggunakan sekumpulan orientalis bagi memperluaskan dasar penjajahan di negara Islam. Perikatan yang kuat dan rasmi antara orientalis dengan penjajah untuk menunduk dan melemahkan umat Islam dan nilainya telah mendapat restu daripada segolongan orientalis (Mahmud Hamdi Zaquq 1989 22-23).

Sebagai contohnya, British ingin menegakkan pemerintahannya di negara Islam misalnya India yang telah dikuasainya pada awal kurun kedua puluh. Lord Curzon merupakan orang yang paling bersemangat di England telah bercadang untuk menubuhkan sebuah institusi pengajian Timur bagi mengukuhkan empayar British di Timur. Institusi tersebut kemudiannya menjadi Universiti London bagi pengajian hal ehwal Timur dan Afrika (Sabir Ta'imah 1984 90-98).

Hubungan antara orientalis dengan penjajah bukan hanya setakat mencari alasan rasional berhubung dengan dasar penjajahan, bahkan alasan orientalis untuk penjajahan telah ada sebelum berlakunya penjajahan ke atas negara-negara Timur dan menguasai rakyatnya serta menundukkan mereka (Muhammad al-Bahi 1973 534).

Ringkasnya, Orientalisme adalah satu gerakan yang memperjuangkan nilai-nilai ilmu pengetahuan iaitu mengkaji warisan-warisan Islam yang terdapat di Timur Tengah terutamanya dalam bidang akidah dan peradaban, tetapi sebenarnya adalah untuk mengenal pasti sumber warisan Islam tersebut dengan tujuan mengalih pandangan umat

Islam supaya berkiblatkan Barat dan mendewa-dewakan peradaban Barat. (Abdul Karim Yunus al-Khatib 1984)

Sehubungan itu, umat Islam juga menghadapi kemaraan imperialisme Barat yang dibahagikan kepada dua peringkat iaitu peringkat awal yang bermatlamatkan gold, gospel dan glory² yang dipelopori oleh Sepanyol, Portugal dan Belanda. Peringkat kedua pula melibatkan kuasa-kuasa imperialis baru khususnya Britain dan Perancis pada akhir abad ke-19M yang mempunyai pelbagai matlamat dan dipengaruhi oleh beberapa faktor iaitu ekonomi, kuasa politik, ideologi, penyebaran agama, kewujudan negara bangsa, keangkuhan kuasa Barat, kepimpinan negara imperialis, persaingan sesama imperialis dan ketegangan dalam negara yang dijajah (Hashim Fauzy Yaacob 2000 104).

Imperialisme di alam Melayu berlaku dalam beberapa peringkat dan strategi iaitu mengambil pelabuhan-pelabuhan penting seperti pengambilan Melaka oleh Portugis, membina pelabuhan seperti yang dilakukan oleh Belanda di beberapa kepulauan Indonesia, campur tangan dalam konflik masyarakat pribumi, menjadi kolaborator atau bersubahat dengan beberapa pihak untuk melemahkan pihak yang menjadi sasaran imperialisme dan penguasaan secara terus wilayah pribumi (Hashim Fauzy Yaacob 2000 104).

Mereka juga menjajah fikiran dan perasaan serta mengadakan peraturan-peraturan selaras dengan rancangan dan cita-cita mereka iaitu untuk meletakkan umat Islam di bawah pengaruh Kristian dan memberi perangsang kepada pemimpinnya supaya mengisytiharkan bahawa negaranya negara sekular tanpa terikat dengan hukum-hakam agama. Untuk tujuan ini, mereka memisahkan umat Islam daripada al-Quran dan menggalakkan mereka supaya berpegang kepada undang-undang sekular dengan memasukkan aliran dan fikiran-fikiran mereka di dalam sistem pendidikan di peringkat sekolah rendah dan pengajian tinggi (Dusuki Ahmad 1980 6-7).

Pada zaman mutakhir ini, muncul satu istilah yang baru dan asing dalam kehidupan umat Islam iaitu istilah globalisasi. Istilah ini timbul dengan bermulanya Orde Baru Dunia (New World Order) yang diumumkan oleh bekas Presiden Amerika Syarikat George Bush, selepas daripada berakhirnya sandiwara perang dingin, hancurnya Soviet Union dan tamatnya Perang Teluk Pertama. Peristiwa-peristiwa ini memberi kemenangan kepada Amerika dari sudut fizikal (Perang Teluk) dan psikologikal (pecahnya Kesatuan Soviet), sekaligus ia dengan jelas

ini tidak dapat diselamatkan oleh Sultan Mahmud dan pembesar-pembesar Melaka kerana pada waktu itu mereka lebih mengutamakan keselamatan diri, kehormatan dan harta benda mereka (Brian Harrison 1966).

Antara tokoh orientalis Portugis yang banyak melibatkan diri dalam bidang ini ialah Tome Pires melalui bukunya yang berjudul *Suma Oriental* yang merupakan hasil kajian beliau semasa berada di Melaka. Buku ini dikatakan ditulis oleh Tome yang merakamkan dan menyaksikan sendiri peristiwa-peristiwa penting sebaik sahaja Portugis menguasai Melaka iaitu dalam sekitar tahun 1512 hingga 1515 (Brian Harrison 1966).

Di samping itu, seorang tokoh orientalis yang lain iaitu Godinhow d'Edridea pula telah membuat kajian tentang kesan-kesan warisan sejarah yang terdapat di Melaka. Beliau mengkaji tentang kubur Beraksara dan persekitarannya yang terletak di puncak bukit di Tanjung Tuan atau juga dikenali Cape Rachodo. Selain itu, Godinhow juga mengkaji sebuah istana raja yang diperbuat daripada batu-belah di Telok emas dan juga kolam yang merupakan tempat bersiram anak-anak raja yang dibina daripada batu marmar (Za'ba 1961).

Dr. Thomas atau Luiz Felipe Reis juga adalah seorang penulis Portugis yang aktif dalam kajian tentang sejarah Portugis-Melayu. Antara karya yang dihasilkan oleh Dr. Thomas ialah *Portugis di Melaka (1511-1580)* dalam dua jilid, *Dari Melaka ke Pegu* dan *Moluku ke Melaka*. (Hilaluddin Abdullah 2004)

Penjajah Portugis telah memunggang khazanah-khazanah Melayu ke Barat. AlFonso d'Albuquerque sendiri telah berusaha gigih mengumpulkan khazanah-khazanah Melayu dibawa dengan kapal, namun usahanya tidak berjaya kerana ia telah tenggelam ke dalam laut dan Albuquerque sendiri hampir-hampir menemui maut tetapi sempat menyelamatkan diri (Za'ba 1961).

Belanda Dan Orientalisme

Selanjutnya, gerakan orientalisme diikuti oleh Belanda yang telah berjaya menduduki Melaka pada bulan Januari 1641 apabila Portugis dikalahkan. Selepas menawan Melaka, Belanda telah mengadakan hubungan dengan negeri Perak, Kedah, Ujong Salang, NaNing, Rembau dan Johor (Joginder Singh Jessy 1964).

dan juga yang ada di perhimpunan kitab *Royal Asiatic Society* (Za'ba 1961).

J.P. Heeves dan F.W. Stapel adalah dua orang tokoh orientalis Belanda yang berjaya menghasilkan karya besar dalam lima jilid yang tebal. Karya tersebut bertajuk *Kumpulan Diplomatik Hindia Belanda* yang memuatkan himpunan persetujuan politik dan perjanjian-perjanjian lainnya yang dicapai oleh Belanda di timur berserta hak-hak istimewa yang dijamin terhadap Belanda (A. Muin Umar 1978).

Di Belanda banyak tersimpan naskhah-naskhah asal kesusasteraan Melayu di dalam perpustakaan di Laiden, Hague dan Amsterdam. Keghairahan Belanda terhadap kajian Timur Islam meletakkan Negara itu sebagai pusat Orientalisme dunia yang terkenal pada masa itu (A. Muin Umar 1978).

Inggeris Dan Orientalisme

Setelah termetrainya Penjanjian Inggeris-Belanda pada tahun 1824, Inggeris mulai mengambil alih Melaka dan seterusnya melebarkan penguasaannya ke negeri-negeri Melayu dengan meletakkan beberapa orang residen di beberapa buah negeri Melayu Bersekutu mulai tahun 1874 (Joginder Singh Jessy 1964).

Tokoh orientalis Inggeris yang paling banyak menyumbang kepada gerakan orientalis tentang kajian di Tanah Melayu ialah Stamford Raffles. Beliau begitu berminat menyelidik perkara yang berkaitan dengan bahasa Melayu, kitab-kitab, adapt resam, binatang dan pokok. Usaha penyelidikan beliau dibantu oleh dua tiga orang pendeta Inggeris (Za'ba 1961). Dalam pada itu, Raffles telah mengupah orang Melayu untuk mengutip kitab-kitab tulisan tangan dan hikayat-hikayat Melayu sehingga hasilnya ratusan jenis bahan berjaya dikumpulkan dari segenap ceruk rantau (Abdullah Munshi 1974).

Selain itu, Raffles juga dikatakan telah mengadakan kajian alam sekitar. Justeru, beliau mengupah orang mencari semau jenis daun, bunga, cendaan dan lumut. Ada juga yang diupah mencari semua jenis ulat, belalang, kupu-kupu, kumbang, riang-riang, lipan dan kala jengking. Ada juga yang menerima upah untuk mengumpul jenis-jenis siput, kerang, kepah, lokan, tiram dan remis. Kemudian yang lain pula diupah untuk menagkap binatang-binatang liar seperti ayam hutan, burung, rusa, kijang, pelanduk, kancil dan sebagainya (Abdullah Munshi 1974).

Sehubungan itu, Abdullah Munshi (1974) merakamkan segalanya dalam hikayatnya sebagaimana catatannya: “Maka segala kitab yang berjilid sahaja adalah kira-kira tiga ratus, maka lain daripada yang berjilid dan lain daripada yang bercherai-berai, dan yang bergulung dan yang berhelai-helai, maka penohlah tiga buah peti kulit panjang-panjangsadepa dengan kitab-kitab Melayu sahaja. Maka kemudian daripada itu, dua peti dimuatkan surat-surat dan kitab-kitab Jawa dan Bali dan Bugis,...”

Selain itu, Captain Thomas John Newbold (1807-1850) juga adalah seorang tokoh orientalis Inggeris yang banyak berjasa dalam kajian orientalisme. Selama tiga tahun berada di Melaka iaitu pada sekitar tahun 1832 hingga 1835, Newbold telah mempelajari bahasa Melayu dengan Abdullah Munshi sehingga membolehkannya untuk mengarang buku yang bertajuk *Jajahan-jajahan Takluk British di Selat Melaka* (Abdullah Munshi 1974).

Selanjutnya, antara orientalis Inggeris yang berjawatan tinggi dalam pentadbiran Inggeris ialah James Low yang telah menterjemah hikayat sejarah Kedah iaitu *Hikayat Merong Mahawangsa*, Sir William Edward Maxwell yang menghasilkan buku *Kitab Belajar Bahasa Melayu* yang merupakan hasil karangannya yang terkenal di samping beliau menulis karangan penting mengenai sejarah, undang-undang, cerita-cerita, kepercayaan dan adat-adat orang Melayu yang terkumpul dalam *Majalah Persekutuan Royal Asiatic Society Cawangan Negeri-negeri Selat*, Sir Hugh Clifford yang menghasilkan karya *Dalam Istana dan Kampong, Beberapa Pemerhatian Darih al manusia yang Berkulit Perang* dan *Suatu Sudut Benua Asia* dan Sir Frank Swettenham yang menghasilkan buku *Peta-peta Kasar Darih al Orang Melayu, Orang Melayu Jati* dan *Tanah Melayu Perintahan British*.

Terdapat juga orientalis yang terdiri dari kalangan paderi Kristian seperti W.G. Shellabear yang menghasilkan buku *Sejarah Melayu*, R.J. Wilkinson yang juga adalah pengarang buku *Kamus Melayu Inggeris* dan *Kepercayaan Orang Melayu* dan R.O. Winstedt yang merupakan seorang orientalis yang banyak memberi sumbangan kepada gerakan orientalisme. Anatar karya Winstedt yang terkenal ialah *Sejarah Negeri Johor* (1932), *Perak* (1934), *Selangor* (1934), *Negeri Sembilan* (1934), *Tanah Melayu* (1936) dan *Persuratan Melayu* (1939), *Ugama Islam di Negeri-negeri Alam Melayu* (1947), *Tanah Melayu dengan Sejarahnya* (1948), *Kamus Melayu-Inggeris* dan *Kepercayaan Bomoh dan Pawang Melayu*. (Za'ba 1961).

Penjajah Inggeris merancakkan lagi gerakan orientalisme dengan penubuhan sekolah-sekolah Inggeris di negeri-negeri Melayu. Pada 21 Oktober 1816, Penang Free School berjaya didirikan yang merupakan sekolah Inggeris pertama di Tanah Melayu pada ketika itu. Sekolah ini menerima bantuan kewangan daripada Syarikat Hindia Timur dan sumbangan dari pihak gereja (Joginder Singh Jessy 1964).

Penutup

Secara keseluruhannya, gerakan orientalisme di Malaysia bermula dengan penjajahan Barat yang terdiri daripada Portugis, Belanda dan Inggeris, kemudian disusuli dengan pegumpulan maklumat dan bahan-bahan berupa kitab-kitab dan manuskrip lama. Selepas itu, para orientalis menulis dan mengolah semula hasil penulisan berdasarkan fahaman orientalisme yang akhirnya menjadi bahan rujukan dalam kajian mereka.

Nota Hujung

- ¹ *The Encyclopedia Americana* mendefinisikan imperialisme sebagai satu dasar yang bercita-cita untuk membentuk, menyusun dan memelihara sesebuah empayar. (Lihat: *The Encyclopedia Americana*, International Edition, Hawaii-index of Refraction, vol. XIV. New York: Americana Corporation. 1964. h. 725). *Webster's New World Dictionary* pula mentakrifkan imperialisme sebagai satu dasar atau amalan yang berhubung dengan penubuhan dan pemeliharaan sebuah empayar melalui jalan penaklukan, penempatan, penguasaan ekonomi atau politik. (Lihat: *Webster's New World Dictionary*. Oxford & Ibh Publishing Co. 1976. h 374). *Longman Modern English Dictionary* pula menghubungkan imperialisme dengan proses perluasan kuasa oleh sebuah Negara ke atas Negara-negara lain melalui cam politik, militer atau ekonomi. (Lihat: *Longman Modern English Dictionary*, Owen Watson (ed.). London: Longman Group Ltd. 1976. h. 538).
- ² *Gold* merujuk kepada eksploitasi ekonomi dan keuntungan yang diperolehi hasil daripada penjajahan. *Gospel* merujuk kepada usaha-usaha pendakwaan dalam erti kata menyebarkan agama kristian *Glory* pula merupakan perluasan kuasa dan martabat hasil daripada penaklukan dan penjajahan tersebut.

Rujukan

- Ali Jarisyah, Dr & Muhammad Syarif al-Zibaq (1979), *Asalib al-Ghazw al-Fikri Li al- 'Alam al-Islami*. Kaherah: Dar al-I'tisam.
- A. Muin Umar (1078), *Orientalisme dan Studi tentang Islam*. Jakarta: Bulan Bintang
- A. Samad Ahmad (1958), *Sejarah Kesusasteraan Melayu II*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Abdul Hadi Awang, Datuk Seri Haji (2003), *Globalisasi: Pendirian Islam Mengenainya*. Kuala Terengganu: Urusetia Penerangan Negeri Terengganu.
- Abdullah bin Abdul Kadir Munshi (1974), *Hikayat Abdullah*, jil. 1, ed. 6. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Ahmad Zahid Hamidi, Datuk (2003), *Gelombang Globalisasi: Menggarap Keampuhan Ummah Di Malaysia*. Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari Malaysia.
- Brian Harrison (1966), *Asia Tenggara Satu Sejarah Ringkas*, terj. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dusuki Ahmad (1980), *Islam di Malaysia: Kebangkitan dan Masa Depan*, Petaling Jaya: al-Hilal.
- Ghazali Basri (1994), *Kristianisasi Sebagai Sebuah Gerakan: & Satu Tinjauan Sosiologi*. Kajang, Selangor: Institut Pengajian Ilmu-ilmu Islam.
- Hashim Fauzy Yaacob (2000), "Tamadun Islam dan Imperialisme Barat" dalam *Pemikir*, April- Jun 2000, Bil. 20.
- Hilaluddin Abdullah (2004), "Sejarah Kemasukan dan Perkembangan Orientalisme di Malaysia: Satu Tinjauan Ringkas" dalam *Jurnal KIAS*, Bil. 1. Kota Bharu: Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).
- Joeseof Suo'yb (1985), *Orientalisme dan Islam*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Joginder Singh Jessy (1964), *Tawarikh Tanah Melayu*, terj. Dewan bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Khatib, Abd al-Karim Yunus al- (1984), *al-Ghazw al-Fikriyy wa Tayyarat al-Mu'adiah li al-Islam*. Riyad: Matabi' Jami'ah al-Imam Muhammad ibn Sa'ud)
- Kamus Inggeris Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1992.
- Longman Modern English Dictionary*, Owen Watson (ed.). London: Longman Group Ltd. 1976.
- Mahmud Hamdi Zaquq (1989), *Orientalisme: Kesan Pemikirannya Terhadap Tamadun Islam*.
- Mudasir Rosder dan Che Yusof Che Mat (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maryam Jameelah (1976), *Western Civilisation Condemned By Itself*. Lahore, Pakistan: Muhamad Yusuf Khan.